



**"KEDAH AMAN MAKMUR : BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI"**

Ruj Kami : (37) dlm. P.Kw.N.(K)1522  
Tarikh : 18 Rabiul Awal 1437 H  
30 Disember 2015

**Semua Pegawai Pengawal  
Jabatan Kerajaan Negeri**

Y.B. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BIL. 3 TAHUN 2015  
Garis Panduan Bagi Pelaksanaan Pendaftaran Kontraktor Kerja / Pembekalan / Perkhidmatan  
Dan Firma Perunding Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.B. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan, Perbendaharaan Negeri Kedah telah menetapkan garis panduan baru bagi pelaksanaan pendaftaran Kontraktor Kerja / Pembekalan / Perkhidmatan Dan Firma Perunding Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini diedarkan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 3 Tahun 2015** yang mengandungi garis panduan yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak Y.B. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg./Dato'/Tuan/Puan.
4. Perhatian dan kerjasama pihak Y.B. Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(MOHAMAD SHAHURI BIN MOHAMAD NORLIN, BCK.)  
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri  
(Unit Analisa Dan Pemantauan Pelaburan)  
b.p. Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman**

s.k. Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah  
Bendahari Negeri Kedah  
Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah



Semua Ketua Jabatan Negeri/  
Negeri Kedah Darul Aman

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL.3 TAHUN 2015  
GARIS PANDUAN BAGI PERLAKSANAAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR  
KERJA/PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN DAN FIRMA PERUNDING  
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai pelaksanaan pendaftaran Kontraktor Kerja / Pembekalan / Perkhidmatan dan Firma Perunding yang berhasrat untuk menyertai semua jenis perolehan di setiap jabatan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
- 1.2 Pelaksanaan pendaftaran ini bertujuan untuk merekod dan mengumpul maklumat syarikat Kontraktor Kerja / Pembekalan / Perkhidmatan dan Firma Perunding yang mempunyai kemahiran dan kelayakan dalam bidang berkaitan perolehan yang ditawarkan disamping untuk memantau prestasi mereka.

## 2.0 KAEDAH PENDAFTARAN

- 2.1 Tempoh sah Pendaftaran ini adalah bermula pada 01 Januari dan tamat pada 31 Disember setiap tahun. Semua Kontraktor Kerja / Pembekalan / Perkhidmatan dan Firma Perunding hendaklah mendaftar semula pada tahun berikutnya sekiranya berhasrat untuk menyertai perolehan Kerajaan.
- 2.2 Bagi projek / program yang melibatkan tempoh siap kerja melebihi setahun, semua Kontraktor Kerja / Pembekalan / Perkhidmatan dan Firma Perunding diwajibkan mendaftar semula pada tahun berikutnya selepas tamatnya tempoh sah tersebut.
- 2.3 Pendaftaran hendaklah menggunakan format Borang Pendaftaran seperti di lampiran A.
- 2.4 Semua jabatan hendaklah memastikan notis hebahan pendaftaran dibuat kepada semua kontraktor Kerja / Pembekalan / Perkhidmatan dan Firma Perunding pada setiap bulan Disember tahun sebelum memandangkan tempoh sah pendaftaran adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.
- 2.5 Setiap jabatan perlu mengemukakan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah senarai awal pendaftaran pada minggu pertama bulan Mac dan setiap suku tahunan (Jun, September, Disember) sekiranya ada pendaftaran tambahan.



### 3.0 KADAR CAJ PENDAFTARAN

#### 3.1 KONTRAKTOR KERJA

3.1.1 Semua jabatan dikehendaki mempelawa hanya kontraktor kerja yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada CIDB dengan gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta Sijil Penarafan Bumiputera (jika berkaitan) untuk menyertai semua jenis perolehan kerajaan .

3.1.2 Kadar caj pendaftaran kontraktor kerja bagi setiap jabatan adalah seperti berikut :-

KELAS	JUMLAH CAJ/PERMIT DI SETIAP JABATAN (RM)
G7	700.00
G6	600.00
G5	500.00
G4	400.00
G3	300.00
G2	200.00
G1	100.00

3.1.3 Kutipan Hasil Pendaftaran Kontraktor Kerja diakaunkan ke dalam Buku Tunai dan sistem SPEKS di bawah kod hasil **71425**.

### **3.2 KONTRAKTOR PEMBEKALAN / PERKHIDMATAN**

- 3.2.1 Semua jabatan dikehendaki mempelawa hanya Kontraktor Pembekalan / Perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mempunyai kod bidang berkaitan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar sebagai pembekal Taraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk menyertai perolehan kerajaan.
- 3.2.2 Kadar caj pendaftaran bagi Kontraktor Pembekalan / Perkhidmatan adalah seperti berikut:

**RM100.00** untuk semua jenis kontraktor Pembekalan / Perkhidmatan di setiap jabatan dan diakaunkan di bawah kod hasil **71425**

### **3.3 FIRMA PERUNDING**

- 3.3.1 Semua jabatan dikehendaki mempelawa hanya Firma Perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Mempunyai permit / perakuan dari pertubuhan perbadanan untuk menjalankan amalan Perunding Profesional sebagai mematuhi peruntukan Akta yang dikeluarkan oleh Lembaga Profesional masing-masing mengikut bidang untuk menyertai perolehan kerajaan.
- 3.3.2 Kadar caj pendaftaran bagi Firma Perunding seperti berikut:-

**RM500.00** untuk semua jenis Firma Perunding di setiap jabatan dan diakaunkan di bawah kod hasil **71429**

#### 4.0 KUAT KUASA

4.1 SPP ini berkuat kuasa pada 01 Januari 2016 dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan (AP) dan Pekeliling lain yang berkaitan.

#### 5.0 PEMBATALAN

5.1 Dengan berkuat kuasanya SPP ini, SPP berikut adalah dibatalkan:

- i) SPP Bil.1 TAHUN 2014
- ii) SPP Bil.3 TAHUN 2014

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HAJJAH SEPIAH BINTI ISA  
DSDK., AMK., BCK.)**

Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman

23 Disember 2015.

Sk: *P.Kw.N(K)0801 Jld.9*

*P.Kw.N(K)0223/2015*



**BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA/PEMBEKALAN/PERKHIDMATAN DAN PERUNDING**

(Borang ini hendaklah diisi dan dikemukakan bersama dokumen-dokumen yang disyaratkan. Sila rujuk panduan permohonan pendaftaran)

**BAHAGIAN A : MAKLUMAT PERMOHONAN**

Nama Syarikat :

No.  
Pendaftaran  
Perniagaan :

Tarikh Ditubuhkan :

Tel :  
Email :

Fax :  
Website :

Jenis  
Perniagaan :

No GST

**BAHAGIAN B : KATEGORI PENDAFTARAN**

(Sila tandakan V di kotak yang berkenaan)

1. Kontraktor Kerja

3. Perunding

2. Kontraktor Pembekalan /Perkhidmatan

**BAHAGIAN C : DOKUMEN SOKONGAN**(Sila tandakan  di kotak yang berkenaan)

<input type="checkbox"/>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Tempoh : _____	Hingga : _____
<input type="checkbox"/>	Kementerian Kewangan	Tempoh : _____	Hingga : _____
<input type="checkbox"/>	Kementerian Kewangan Taraf Bumiputera	Tempoh : _____	Hingga : _____
<input type="checkbox"/>	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	Tempoh : _____	Hingga : _____
<input type="checkbox"/>	Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)	Tempoh : _____	Hingga : _____
<input type="checkbox"/>	Sijil Penarafan Bumiputera	Tempoh : _____	Hingga : _____
<input type="checkbox"/>	Lain-lain pendaftaran (Sila nyatakan)	_____	

**BAHAGIAN D : MAKLUMAT PERBANKAN**

Nama Penuh Bank:	
Cawangan:	
Jenis Perbankan:	<input type="checkbox"/> Konvensional <input type="checkbox"/> Perbankan Islam
Alamat Bank:	
No. Akaun Bank:	
Pembayaran Kepada:	
Email untuk pembayaran:	



**BAHAGIAN E : PENGESAHAN SYARIKAT**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah betul.

Disahkan oleh :

.....  
Nama :

Jawatan :

Tarikh :

**PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN PEMBEKAL/KONTRAKTOR/PERUNDING**

1. Borang **Permohonan Pendaftaran Pembekal/Kontraktor/Perunding** hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas.
2. **Salinan sijil** hendaklah dilampirkan semasa mengemukakan borang permohonan.
  - 1) Sijil Suruhanjaya Syarikat (SSM)
  - 2) Sijil Kementerian Kewangan/ Sijil Bumiputera Kementerian Kewangan/ Sijil Perolehan Kerja
  - 3) Kerajaan (SPKK)/ Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)/Lain-lain Pendaftaran.
  - 4) Salinan Penyata Bank (1 bulan terkini)
3. Bayaran pendaftaran di dalam bentuk tunai atau cek sahaja.

Cop Jabatan